

10/08/2005

Mahathir-Pelajar

PELAJAR MELAYU BERUPAYA CEMERLANG DALAM PELAJARAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Ogos (Bernama) -- Pelajar Melayu mempunyai keupayaan untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran setanding dengan pencapaian pelajar bangsa lain asalkan mereka bersedia berusaha belajar dengan lebih gigih, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Saya yakin penuh orang Melayu, pelajar Melayu punyai kelebihan yang tidak kurang berbanding dengan sesiapaupun termasuklah Mat Salleh (bangsa Inggeris atau orang Barat)," katanya.

Beliau berkata kunci kepada kecemerlangan dalam persekolahan ialah penumpuan, usaha serta minat tidak berbelah bahagi kepada pelajaran.

"Kenapa kita tidak berjaya seperti mereka... kita tidak usaha, tidak tumpu usaha dengan penuh minat," katanya dalam nasihatnya kepada kira-kira 1,000 pelajar Sekolah Alam Shah yang menyertai perhimpunan sempena Perayaan Bulan Patriotisme 2005 di sini hari ini.

Pada majlis itu yang turut dihadiri oleh Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Malaysia Book Of Records Sdn Bhd mengisytiharkan "Jigsaw Puzzle" rekaan pelajar sekolah berkenaan mencatatkan rekod negara sebagai jigsaw puzzle terbesar pernah dibuat.

Dr Mahathir yang ditanya mengapa pelajar Melayu selalu dikaitkan sebagai golongan pelajar yang kurang cemerlang dalam pelajaran, berkata perkara itu disebabkan pelajar terbabit dilihat tidak cukup menunjukkan minat kepada pelajaran.

Beliau memberikan contoh terdapat ramai pelajar Melayu yang tidak membuat kerja sekolah dan menghabiskan masa bersiar-siar di pusat membeli-belah selepas waktu persekolahan tanpa pengetahuan ibu bapa mereka.

"Tidak mustahil mereka ini tidak akan mencapai kejayaan dalam pelajaran," katanya.

Dr Mahathir berkata pelajar Melayu boleh meniru sistem belajar pelajar bukan Melayu dan berusaha lebih gigih supaya boleh mengatasi pencapaian pelajaran mereka.

"Tidak mungkin kita akan berjaya jika sistem belajar kita tidak betul," katanya.

Dr Mahathir berkata hanya melalui kecemerlangan ilmu ditambah dengan amalan nilai murni dan baik sahajalah, kemerdekaan yang dicapai negara sejak 48 tahun lepas dapat dikekalkan serta dipertahankan oleh setiap rakyat.

Katanya ilmu juga boleh menjadi benteng kepada diri daripada melakukan sebarang perbuatan yang tidak diinginkan seperti jenayah yang akhirnya akan menjejaskan semangat dan penghayatan individu dalam mengenal erti kemerdekaan.

Semangat patriotisme kini seharusnya diterjemahkan kepada semangat untuk mencapai kecemerlangan keilmuan di samping penerapan nilai murni dan mulia yang menebal, kata beliau.

-- BERNAMA

RIZ ROS